

# kumpulan **pengurusan**

<b>Presiden &amp; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</b>	: <b>Anuar Mohd Hassan</b> , ACII
<b>Naib Presiden Eksekutif &amp; Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan</b>	: <b>Norazman Hashim</b> , CA (M), FCCA, MBA
<b><u>Naib Presiden Kanan</u></b>	
<b>Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan</b>	: <b>Ahkter Abdul Manan</b> , B Soc. Sc. (Hons.)
<b>Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan</b>	: <b>Azlan A. Azizee</b> , M.Sc.
<b>Ketua Pegawai Strategi Kumpulan</b>	: <b>Ahmad Ruhaizad Hashim</b> , CPA, BA (Hons.) Ekonomi dan Perakaunan
<b>Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia</b>	: <b>Mohamad Nor Abas</b> , MBA, BBA
<b><u>Naib Presiden</u></b>	
<b>Pegawai Pengurusan Risiko &amp; Pematuhan Kumpulan</b>	: <b>Syahrul Imran Mahadzahir</b> , MSc. Sains Aktuari
<b>Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan</b>	: <b>Romie Khalid</b> , B Sc. Economics (Hons.)
<b>Ketua Jabatan Undang-Undang &amp; Kesetiausahaan</b>	: <b>Lena Abd Latif</b> , LL.B (Hons.)
<b>Ketua Jabatan Kewangan</b>	: <b>Sharmini Perampalam</b> , CA (M), CMIIA, B.Acc. (Hons.)
<b>Ketua Jabatan Pelaburan</b>	: <b>Mona Mazleen Mokhtar</b> , B. Bus. (Acct.)
<b>Ketua Jabatan Kewangan Korporat</b>	: <b>Nazzahatol Azura Aziz</b> , B. Sc. (Hons.) Pengurusan
<b>Ketua Jabatan Komunikasi Korporat</b>	: <b>Noorazimah Tahir</b> , MSc Komunikasi Korporat
<b>Informasi Teknologi Maklumat</b>	: <b>Ahmad Refaei Saibon</b> , MBA (IT)
<b>Pengurusan Sumber Manusia</b>	: <b>Fuzaidah Yusof</b> , CIPM
<b><u>Penolong Naib Presiden</u></b>	
<b>Ketua Jabatan Pentadbiran</b>	: <b>Raihanah Yahaya</b> , MBA (Kewangan)
<b>Ketua Jabatan Hartanah</b>	: <b>Zulkifli Abdul Razak</b> , BA (Hons.) Pengurusan Risiko

# profil kumpulan pengurusan



Operasi harian MNRB diamanahkan kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, **Anuar Mohd Hassan** yang dibantu oleh kakitangan pengurusan kanan yang berwibawa seperti berikut:



## **NORAZMAN HASHIM**

Norazman Hashim ialah Naib Presiden Eksekutif & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan/Setiausaha Syarikat MNRB Holdings Berhad. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Cranfield School of Management, United Kingdom pada 1990. Beliau juga merupakan ahli fellow Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Mula berkhidmat dengan MNRB Holdings Berhad pada 1985 dan dilantik sebagai Pengawal Kewangan dan Setiausaha Syarikat pada 1994. Seterusnya beliau dipindahkan ke Malaysian Re pada 1 April 2005 dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar menerajui Bahagian Perkhidmatan Korporat yang terdiri daripada Jabatan Pentadbiran, Undang-Undang & Kesetiausahaan, Komunikasi Korporat, Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan pada Jun 2005. Beliau dipindahkan ke MNRB Holdings Berhad dan menyandang jawatan sekarang pada 1 April 2008. Beliau juga merupakan Pengarah MMIP Services Sdn. Bhd., Pengarah Silih Ganti kepada Anuar Mohd Hassan dalam Lembaga Pengarah Labuan Reinsurance (L) Ltd. dan Setiausaha Syarikat Malaysian Reinsurance Berhad, MNRB Retakaful Berhad dan Malaysian Re (Dubai) Ltd.



## **AHKTER ABDUL MANAN**

Ahkter Abdul Manan ialah Naib Presiden Kanan & Ketua Pegawai Pelaburan MNRB Holdings Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) pengkhususan Pengurusan dari Universiti Sains Malaysia. Beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan bahagian pelaburan dan hartanah MNRB. Beliau memulakan kerjaya di Jabatan Pelaburan dan Sekuriti (IVS) Malaysian International Merchant Bankers Berhad (MIMB) pada 1987 sebagai Penganalisis Pelaburan. Pada 1991, beliau dinaikkan pangkat kepada Pengurus, Ketua IVS dan pada 1995 kepada Penolong Pengurus Besar.

Beliau kemudian dinaikkan pangkat kepada Pengurus Besar IVS pada 1997 dan dipinjamkan kepada MIDF Aberdeen Asset Management Sdn. Bhd. (MIDF Aberdeen), yang ditubuhkan oleh beliau pada 1998. Pada 1 Januari 2001, beliau secara rasmi dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif MIDF Aberdeen.

Beliau menyertai Asia Unit Trust Berhad (AUTB) pada 1 September 2004 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berikutan pemindahan perniagaan MIDF Aberdeen kepada Amanah SSCM Asset Management Berhad. Beliau menamatkan perkhidmatan di AUTB pada 16 Julai 2007 dan menyertai MNRB pada 17 Julai 2007. Secara keseluruhan, Ahkter mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun dalam industri pengurusan dana.



## **AZLAN A. AZIZEE**

Azlan A. Azizee ialah Naib Presiden Kanan & Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan yang menerajui Jabatan Informasi Teknologi Maklumat. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains Komputer dari University of Wisconsin, Green Bay, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Sains dalam Sistem Teknologi Maklumat dari George Washington University, Washington D.C., Amerika Syarikat. Beliau menyertai MNRB Holdings Berhad pada 1987 dan dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar pada 1994. Beliau dipindahkan ke Malaysian Re pada 1 April 2005 dan ke MNRB Holdings Berhad pada 1 April 2008 dengan menyandang jawatan sekarang.



#### **AHMAD RUHAIZAD HASHIM**

Ahmad Ruhaizad Hashim ialah Naib Presiden Kanan dan Ketua Pegawai Strategi Kumpulan MNRB Holdings Berhad. Beliau menamatkan pengajian Sarjana Muda Ekonomi dan Perakaunan dari University of Leeds, England pada 1990. Beliau merupakan ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) sejak 1995.

Beliau mempunyai lebih 17 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan korporat dan perkhidmatan rundingan. Kerjaya beliau bermula pada 1991 apabila menyertai Arthur Andersen sebagai Penolong Audit. Beliau pernah berkhidmat dengan Arthur Andersen selama lebih lima tahun dan terlibat dalam tugas pengauditan dan khidmat nasihat pelanggan dalam sektor kewangan, perkilangan, telekomunikasi, kerajaan, minyak & gas dan perdagangan. Beliau menamatkan perkhidmatan di Arthur Andersen pada 1996 untuk menyertai KUB Malaysia Berhad yang pada masa itu sedang dalam proses untuk disenaraikan ke Bursa Malaysia. Pada 1999, beliau kembali menyertai Arthur Andersen untuk mengetuai operasi cawangan Kuala Terengganu. Pada 2002, beliau memegang tanggungjawab baru di Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., pemaju utama Pusat Pentadbiran Kerajaan, Putrajaya. Beliau merupakan ketua Jabatan Perancangan Korporat dan turut memainkan peranan penting dalam perundingan konsesi dengan Kerajaan serta langkah pengumpulan dana untuk Syarikat berkenaan. Beliau menyertai MNRB Holdings Berhad pada 2 Januari 2008.



#### **MOHAMAD NOR ABAS**

Mohamad Nor Abas, adalah Naib Presiden Kanan & Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia bagi MNRB Holdings Berhad. Beliau memperolehi kedua-dua Ijazah Sarjana dan Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, Amerika Syarikat. Beliau turut mempunyai Sijil Pengurusan Personel dari Institut Pengurusan Personel Malaysia (MIPM), dan telah menjadi pengamal Sumber Manusia selama lebih 20 tahun dalam industri logistik dan perbankan sebelum menyertai MNRB pada 16 April 2007. Beliau bertanggungjawab dalam pengurusan dan operasi Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan MNRB.



#### **SYAHRUL IMRAN MAHADZIR**

Syahrul Imran Mahadzir ialah Naib Presiden dan Pegawai Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan MNRB Holdings Berhad. Beliau menamatkan pengajian Sarjana Sains Aktuari dari Heriot-Watt University, Edinburgh, Scotland pada 2003. Beliau juga merupakan ahli bersekutu Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), United Kingdom. Sebelum dilantik ke jawatan sekarang, beliau telah berkhidmat di Bank Negara Malaysia selama 9 tahun – bermula di Jabatan Penguatkuasaan Peraturan Insurans dan diikuti oleh Jabatan Dasar Kewangan Kehematan. Beliau menyertai MNRB Holdings Berhad pada 2 Julai 2007.



#### **ROMIE KHALID**

Romie Khalid ialah Naib Presiden & Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan MNRB Holdings Berhad. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), pengkhususan dalam Perakaunan & Kewangan dari London School of Economics & Political Science pada 1996. Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit dengan Arthur Andersen (kini telah bergabung dengan Ernst & Young) pada 1997 di mana beliau berkhidmat di kumpulan perkhidmatan kewangan di bahagian audit. Pada 2003, beliau menyertai MNRB sebagai Eksekutif di Jabatan Kewangan. Beliau kemudian dipindahkan ke Jabatan Pengurusan Risiko pada 2004 dan memegang peranan sebagai Pegawai Pengurusan Risiko (RMO) dan ke Malaysian Re pada 1 April 2005 untuk berkhidmat sebagai RMO di Malaysian Re. Selepas itu, pada 1 Ogos 2007, beliau dipindahkan kembali ke MNRB di mana beliau menyandang jawatan sekarang.